

**SOALAN LAZIM (FAQ)
BERKAITAN PELAKSANAAN SECARA ATAS TALIAN
BAGI URUSAN PERMOHONAN CARIAN RASMI
PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN WPKL**

1) Apakah itu Carian Rasmi?

Suatu sijil Carian Rasmi yang telah ditandatangani dan dimeterai oleh Pendaftar dengan memastikan kandungannya menunjukkan maklumat hakmilik, pemilikan dan perkara berkaitan yang masih berkuatkuasa sebagaimana yang tercatat dalam dokumen hakmilik daftaran dan rekod urusan urusniaga/bukan urusniaga yang telah diterima tetapi belum didaftarkan.

2) Adakah carian rasmi perlukan individu untuk mempunyai akaun awam e-Tanah?

Ya, pelanggan perlu mendaftar Akaun Pengguna di Portal Awam e-Tanah PPTGWPKL sebelum dapat membuat sebarang urusan pendaftaran.

<https://www.ptgwp.gov.my/etanh-awam/AwamLoginForm.xhtml?target=kl>

3) Apakah langkah seterusnya setelah mendaftar akaun awam di Portal e-Tanah PPTGWPKL?

Langkah seterusnya ialah pelanggan perlu ke kaunter PPTGWPKL untuk membuat pengesahan biometrik dan selesai urusan pendaftaran akaun pengguna.

4) Apakah urusan carian rasmi yang boleh dibuat?

Berikut adalah urusan carian rasmi yang boleh dibuat di Portal Awam:

a) Hakmilik Tanah:

Carian Rasmi Hakmilik.

Carian Rasmi Hakmilik Batal.

b) Hakmilik Strata:

Carian Rasmi Hakmilik Strata (Borang 4).

Carian Rasmi Hakmilik Strata Batal.

5) Apakah cara pembayaran dalam pelaksanaan secara atas talian?

Cara pembayaran hanya *FPX* sahaja.

6) Bolehkah pelanggan memohon lebih dari satu (1) urusan carian rasmi dalam satu permohonan?

Boleh, Pelanggan boleh memohon lebih dari satu (1) urusan carian rasmi dalam satu permohonan.

7) Berapakah maksima bilangan permohonan carian rasmi yang boleh dibuat oleh pelanggan di Portal Awam?

Tiada bilangan khusus atau had maksima bagi permohonan carian rasmi di Portal Awam.

8) Bagaimanakah pelanggan ingin menyemak maklumat status proses carian rasmi?

Pelanggan boleh membuat semakan status proses di Portal Awam atau melalui e-semakan.

9) Apakah medium makluman bagi pelanggan untuk mendapat maklumat bahawa sijil carian rasmi telah selesai diproses dan sedia untuk dimuat turun?

Pelanggan akan menerima notifikasi melalui emel dan juga di Portal Awam.

10) Berapa lamakah permohonan akan diproses selepas membuat pembayaran?

Permohonan akan diproses dalam masa 3 hari bekerja.

11) Bagaimanakah cara pelanggan ingin memuat turun dan mencetak sijil carian rasmi?

Pelanggan boleh muat turun untuk simpanan dan mencetak sijil carian di Portal Awam.